

Karpal tolak PM dalam kalangan Pas, PKR

Utusan Online

25 Mei, 2012

KUALA LUMPUR 24 Mei - Pengerusi DAP, Karpal Singh jelas menolak rakan sekutunya daripada Pas dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) untuk dilantik sebagai Perdana Menteri sekiranya pembangkang mentadbir negara pada masa depan.

Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali berkata, hasrat Karpal yang mahu melihat Perdana Menteri di kalangan bukan Melayu menunjukkan Pas dan PKR kini hanya diperalat DAP dalam usaha memenangi pilihan raya umum akan datang.

Selain itu, katanya, kenyataan Karpal yang kononnya setia menyokong Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri hanyalah helah menutup hasrat sebenar beliau dan strategi politik jangka pendek veteran DAP tersebut.

"Terima kasih kepada Karpal yang menunjukkan belang cauvinis beliau dan ia sudah tentu lebih menyatupadukan orang Melayu dan bumiputera serta Islam sama ada dalam pembangkang atau yang tidak berparti.

"Kenyataan itu jelas bermotif politik oleh seorang pemimpin cauvinis yang mahu mendapatkan sokongan bukan Melayu dan bukan Islam pada pilihan raya umum akan datang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Karpal menegaskan akan berjuang memastikan pelantikan seorang Perdana Menteri bukan Melayu pada satu hari nanti, namun buat masa ini bersetuju melantik Anwar menyandang jawatan itu apabila pembangkang berkuasa kelak.

Karpal berkata, tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan yang mengatakan orang bukan Melayu tidak boleh menjadi Perdana Menteri.

Kata Ibrahim, Karpal perlu menghentikan taktik politik sedemikian dan merujuk kepada Perlembagaan, tradisi serta sejarah negara sebelum membuat sebarang kenyataan yang boleh mengguris hati mana-mana kaum.

"Walaupun tiada peruntukan Perlembagaan menyebut Perdana Menteri harus dilantik di kalangan Melayu, namun tradisi menunjukkan pelantikan Perdana Menteri sentiasa mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong serta dimulakan dengan ucapan 'Bismillah'.

"Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara merupakan seorang Melayu beragama Islam dan agama Persekutuan pula adalah Islam, jadi Karpal jangan cuba merobek jantung serta kerangka negara ini.

"Kalau Karpal mahu Perdana Menteri di kalangan bukan Islam dan bukan Melayu, dia kena langkah mayat saya dahulu," kata Ibrahim.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Perkasa menyambut baik hasrat timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mahu UMNO bermuzakarah dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berasaskan Melayu dan Islam.

Katanya, ia perlu diadakan segera demi kestabilan dan kekuatan politik serta kelangsungan masa depan kaum itu.

"Dalam muzakarah itu nanti, UMNO sebagai parti teras kerajaan boleh menjelaskan peranan mereka yang turut bertanggungjawab menjaga kepentingan kaum lain," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0525&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm